



Edisi 20 September 2025



**UiTM PEMACU
TRANSFORMASI**

**PENGHARGAAN
BUAT ALUMNI**

**IMPIAN MURNI
PEREKA FESYEN**

UITM PEMACU TRANSFORMASI GRADUAN DARI BIASA KE LUAR BIASA



oleh : Aidil Adha Abdullah

Istiadat Konvokesyen Ke-102 Universiti Teknologi MARA (UiTM) menjadi medan refleksi terhadap perjalanan institusi itu yang kini melahirkan lebih 24,000 graduan saban tahun. Menurut Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, penganjuran majlis yang berlangsung serentak di Shah Alam, Sarawak, dan Sabah berjalan lancar hasil kerjasama semua pihak termasuk Pro-Canselor, staf, dan sukarelawan pelajar.

“Alhamdulillah, setakat Sidang Ke-17 ini, perjalanan konvokesyen berjalan licin walaupun cuaca tidak menentu. Pergerakan trafik juga terkawal hasil strategi pengalihan lalu lintas, manakala sukarelawan pelajar terus membantu ibu bapa serta tetamu sepanjang majlis,” katanya.

Mengulas pencapaian universiti, beliau berkata UiTM mencatat peningkatan 45 anak tangga dalam QS World University Rankings tahun ini, hasil sumbangan penyelidikan khususnya daripada pelajar pascasiswazah. Selain itu, kadar kebolehpasaran graduan turut membanggakan apabila mencapai 92.1 peratus, dengan ramai graduan sudah bekerja walaupun baru menamatkan pengajian.

“UiTM bukan universiti penyelidikan, tetapi fokus kepada pembelajaran. Namun, penyelidikan tetap dijalankan sehingga berjaya meletakkan 21 bidang subjek dalam kedudukan terbaik dunia – termasuk kejuruteraan petroleum dalam

kelompok 150 terbaik,” jelasnya.

UiTM juga diiktiraf sebagai antara universiti pilihan majikan oleh Talentbank, sekali gus membuktikan graduannya menepati kehendak industri.

Beliau menegaskan fungsi UiTM sejak penubuhannya masih kekal iaitu memberi akses pendidikan tinggi kepada golongan Bumiputera daripada keluarga berpendapatan rendah (B40).

“Sekitar 30 peratus mahasiswa UiTM datang daripada keluarga berpendapatan RM1,500 ke bawah. Bila kita bantu golongan yang berpendapatan biasa, kesannya besar – bukan sahaja mengubah nasib pelajar, malah keluarga dan masyarakat,” ujarnya.

Beliau turut menekankan UiTM bersifat inklusif dengan menyediakan kemudahan untuk lebih 800 mahasiswa OKU. Antara inisiatif terbaharu termasuk pembelian van OKU melalui dana wakaf dan sumbangan filantropis.

Menyentuh soal kerelevanan pendidikan, beliau mengaitkan pengalamannya sendiri sebagai bekas mahasiswa Institusi Teknologi Mara (ITM).

“Saya produk ITM juga, tamat pada tahun 1989. Maknanya, kerelevanan ilmu yang saya



belajar 30 tahun dahulu masih relevan untuk saya hari ini. Persoalannya, adakah ilmu yang anda peroleh sekarang kekal relevan 30 ke 40 tahun akan datang, ketika anda bersara pada usia 50 atau 60 tahun? Itulah yang sedang kita usahakan di UiTM,” katanya.

Mengulas cabaran baharu, beliau menjelaskan UiTM mengambil pendekatan mengintegrasikan Kecerdasan Buatan (AI) dalam semua fakulti, bukannya menubuhkan fakulti khusus.

“AI bukan sekadar bidang, ia adalah alat. Sama ada dalam kejuruteraan, undang-undang atau kewartawanan, pelajar mesti memahami penggunaan AI untuk meningkatkan pembelajaran dan kerjaya mereka,” katanya.

Beliau memberi contoh teknologi teks-ke-ucapan yang boleh memudahkan kerja kewartawanan, namun menegaskan nilai manusia tetap diperlukan. AI menurutnya hanya mampu menghasilkan data tanpa nilai, sedangkan wartawan perlu memiliki empati, kreativiti, dan sifat kemanusiaan – aspek yang

membezakan manusia dengan mesin.

Sementara itu, UiTM juga dipilih sebagai institusi perintis dalam pelaksanaan *Values-Based Education* (VBE), iaitu pendekatan pendidikan berasaskan nilai selepas era *Outcome-Based Education* (OBE).

“Kalau dahulu penekanan pada ilmu dan kemahiran, kini kita tambah nilai. Nilai inklusif, nilai ingin tahu, dan nilai kemanusiaan inilah yang akan membentuk graduan berkualiti,” jelasnya.

Menjelang ulang tahun ke-70 penubuhan UiTM pada 2026, beliau menegaskan universiti itu kekal relevan dalam melahirkan bakat Bumiputera terbaik untuk negara.

“UiTM bermula sebagai Dewan Latihan RIDA pada 1956. Hari ini, dengan hampir 200,000 mahasiswa, kami terus berpegang kepada moto Usaha, Taqwa, Mulia. Apa yang penting, kita tidak pernah berhenti melakukan penambahbaikan berterusan,” katanya.



SIDANG REDAKSI JAWATANKUASA WARTA KONVO 102

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*